

# Kerajaan perlu kekal ISA untuk ketenteraman awam

UM-10/9/2005  
KUALA LUMPUR 9 Sept. — Tun Dr. Mahathir Mohamad berpendapat, kerajaan perlu mengekalkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) bagi tujuan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Beliau berkata, bagaimanapun kerajaan perlu berhati-hati menggunakan akta itu bagi menjaga kepentingan dan keadilan terhadap rakyat.

“Saya berpendapat ISA masih lagi diperlukan,” katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan pada persidangan mengenai hak asasi anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) di sini hari ini.

Ketika ditanya mengenai penggunaan ISA ketika beliau menjadi Perdana Menteri, Dr. Mahathir berkata, jumlah mereka yang ditahan adalah lebih kecil, berbanding semasa pemerintahan sebelumnya.

“Saya bukan bertujuan menyalahkan pemimpin terdahulu, tetapi pada masa pemerintahan saya selama 22 tahun, lebih ramai tahanan ISA dibebaskan berbanding mereka yang ditahan,” katanya.

Dr. Mahathir juga tidak menafikan semasa pemerintahan ada juga mereka yang ditahan di bawah ISA, tetapi semua itu beliau lakukan demi kepentingan negara.

Bekas Perdana Menteri juga ditanya mengenai tindakan beberapa aktivis sosial, badan bukan kerajaan (NGO) dan pembangkang yang tidak menghadiri persidangan itu sebagai membantah tindakannya yang dikatakan mencabuli hak asasi manusia semasa memerintah negara ini selama 22 tahun.

Dr. Mahathir berkata, beliau terpaksa melakukan apa yang patut demi kepentingan negara.

Katanya, beliau telah membebaskan 23 tahanan ISA semasa mula-mula menjadi Perdana Menteri, sedangkan pada waktu itu terdapat lebih 500 tahanan ISA, kebanyakan mereka kerana kesalahan jenayah.

“Walaupun mereka ditahan di bawah ISA, tetapi kerajaan melayan mereka dengan baik,” katanya.

Mengenai Operasi Lalang, beliau berkata, ia dilaksanakan bagi mengurangkan ketegangan antara kaum.